

'Tugas guru bertambah tidak pernah kurang'

B.H. 11 FEB 1975
PONTIAN, ISHIT.

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, berkata guru-guru perlu merancang cara menghadapi sesuatu masalah kerana dengan itu tugas mereka tidak akan menjadi berat.

Bellau menyatakan, tugas kaum guru tidak pernah kurang malah bertambah dari masa ke-masa untuk membentuk satu masyarakat masa depan yang bertanggungjawab.

Menteri itu berharap guru-guru dapat menghapuskan perasaan putus harap, kerana kalau diamalkan akan menjejaskan tugas mereka yang berat itu.

Menurutnya, perasaan putus harap berlaku pada tiap-tiap seseorang, tetapi tidak semestinya dijadikan amalan.

Menteri Pelajaran berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Majlis Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran daerah ini di Dewan Jubili Intan di sini petang semalam.

Larikan diri

Dr. Mahathir seterusnya menegur sikap setengah pelajar yang tidak tertarik hati untuk belajar dalam masa cuti, pada hal kita hendak memperkukuhkan diri mereka mengikut pelajaran yang penting bagi menghadapi peperiksaan.

Katanya, "Tindakan mereka melarikan diri dan merajuk tidak mendatangkan faedah."

Menteri itu juga merasa kesal kerana ada pihak yang menyokong tindakan pelajar-pelajar itu.

Bellau berharap guru-guru mengambil perhatian dari peristiwa-peristiwa serupa itu supaya ia tidak terus berlaku.

Mendengar



DR. MAHATHIR

Sebelum ini Dr. Mahathir yang juga Pengerusi FIMA, melawat kilang nenas kerajaan di Pulau Sebatang mendengar taklimat kegiatan kilang tersebut dari Pengurusnya, Enck Tam Chong Wee.

Kilang tersebut menjalankan semula kerja sejak 28 Disember tahun lepas setelah ditutup selama tiga bulan kerana menghadapi berbagai masalah.

Menteri Pelajaran, malam tadi mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa Umno peringkat cawangan dan Bahagian Johor Baharu Barat dan Timur, di Balatraya Gertak Merah di sini.